

SOALAN NO. : 16

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN [PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 22 MAC 2018 (KHAMIS)

SOALAN:

Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bagaimanakah Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) akan dapat menyelesaikan masalah banjir di Kelantan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar telah meluluskan 2 projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) di Negeri Kelantan :

- i) Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1.
- ii) Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok Fasa 1.

Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) adalah merupakan projek gabungan pelbagai komponen utama seperti Rancangan Tebatan Banjir, *Living River*, Saliran Mesra Alam dan Kajian *Water Balance*.

A) Komponen utama bagi projek PLSB Sungai Kelantan Fasa 1 adalah :

- i) **Rancangan Tebatan Banjir** iaitu menaiktaraf sungai, pembinaan *flood levee/ flood wall* serta pembinaan *control gate*.
- ii) ***Living River*** iaitu penstabilan tebing sungai, kerja-kerja rawatan air sungai serta kerja-kerja pengorekan sungai.

iii) **Saliran Mesra Alam** iaitu penambahbaikan sistem saliran serta pembinaan kolam takungan.

iv) **Kajian *Water Balance***.

B) Komponen utama bagi projek PLSB Sungai Golok Fasa 1 adalah :

i) Rancangan Tebatan banjir iaitu pembinaan *flood bund* dan *outlet gate*.

ii) Pantai iaitu pembinaan *dyke* dan kerja-kerja pengorekan.

Sekian, terima kasih.